

**PENGISLAHAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI TANAH MELAYU: PERANAN MUDIR  
MADRASAH AL-MASHOOR AL-ISLAMIAH PULAU PINANG, 1916-1957**  
*(Reformation of Islamic Education System in Malaya: The Role of Mudir Madrasah al-Mashoor  
al-Islamiah Penang, 1916-1957)*

Ahmad Dzulfahmi Muhamad\* & Mohammad Redzuan Othman\*\*

**Abstrak**

Kajian ini membincangkan mengenai pengislahan sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu terutamanya di Pulau Pinang sebelum merdeka, bermula dari tahun 1916 hingga tahun 1957. Tempoh tersebut dianggap antara tempoh terpenting dalam sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu bermulanya perkembangan institusi Pendidikan Islam secara formal di Tanah Melayu dan peranan yang dibawa oleh mudir madrasah dalam pengislahan sistem Pendidikan Islam. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kajian kepustakaan dengan menganalisis pelbagai sumber pertama dan sumber kedua. Hasil kajian mendapati bahawa Mudir Madrasah al-Mashoor al-Islamiah yang dimulai oleh Syed Syekh al-Hadi dan seterusnya Syekh Abdullah al-Maghribi serta Syekh Abbas Bakar Rafiee telah memainkan peranan yang penting dalam usaha mengislahkan sistem Pendidikan Islam. Pengislahan sistem Pendidikan Islam di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah dapat diteliti dengan penambahbaikan aspek pentadbiran, kurikulum dan ko-kurikulum, pengasasan madrasah untuk wanita dan penubuhan cawangannya di Sabak Bernam Selangor dan Balik Pulau Pulau Pinang.

**Kata kunci:** Madrasah al-Mashoor al-Islamiah, Islah, Mudir, Pendidikan Islam, Pulau Pinang

**Abstract**

*This study discusses the reformation of the Islamic education system in Malaya, especially in Penang before independence, from 1916 to 1957. The period is considered to be one of the most important periods in the Islamic education system in Malaya in the formal development of Islamic Education institutions in Malaya and the role played by the mudir madrasah in the modernization of the Islamic education system. The methodology of this study uses qualitative methods and library studies to analyze the primary and secondary sources. The findings of this study show that the Mudir Madrasah al-Mashoor al-Islamiah initiated by Syed Sheikh al-Hadi and later, Sheikh Abdullah al-Maghribi and Sheikh Abbas Bakar Rafiee have played an important role in the efforts to reform the Islamic education system. The reformation of the Islamic Education system in Madrasah al-Mashoor al-Islamiah can be examined by improving aspects of administration, curriculum and co-curriculum, founding of a madrasah for women and setting up its branches in Sabak Bernam Selangor and Balik Pulau Penang.*

**Keywords:** *Madrasah al-Mashoor al-Islamiah, Reforms, Mudir, Islamic Education, Penang*

**Pendahuluan**

Pengajian Pendidikan Islam secara tidak formal telah lama bermula di Tanah Melayu sejak abad yang ke-13 bersama-sama dengan pengembangan Islam dan apabila individu atau masyarakat Islam membina surau atau masjid bukan hanya sebagai tempat beribadah tetapi sebagai tempat menuntut ilmu agama. Bermula dari sinilah, pengajian yang berasaskan pondok telah ditubuhkan dan semakin berkembang serta berubah menjadi madrasah. Walaupun pada peringkat awal, sistem pengajian ini lebih bersifat keagamaan namun sebenarnya telah menyumbang ke arah kemajuan masyarakat Islam di Pulau Pinang dalam pelbagai bidang.

---

\* Ahmad Dzulfahmi Muhamad (PhD) (corresponding author), Senior Lecturer, History Programme, School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia. Email: dzulfahmi@usm.my.

\*\* Mohammad Redzuan Othman (PhD), Profesor, President and Vice Chancellor, Universiti Selangor (UNISEL), 40000 Shah Alam, Selangor Malaysia. Email: redz8182@gmail.com.

Sejarah perkembangan Pendidikan Islam di Semenanjung Tanah Melayu pada peringkat awalnya bermula dengan menuntut ilmu agama di rumah tok guru yang dihormati oleh masyarakat, kemudian berkembang kepada sistem pengajian pondok dan selepas itu menjadi madrasah. Sistem pendidikan madrasah merupakan sebuah institusi yang paling formal di Tanah Melayu dan bermula kira-kira awal abad ke-20. Madrasah yang dianggap terawal diasaskan ialah Madrasah al-Iqbal al-Islamiah Singapura yang di bawah naungan Raja Ali Kelana Riau. Kewujudan institusi madrasah ini juga adalah disebabkan kesan pengaruh Timur Tengah yang dibawa oleh Kaum Muda pada ketika itu diantaranya ialah Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin.

Al-Hadi dan Syeikh Tahir telah terpengaruh dengan arus perubahan yang berlaku Timur Tengah khususnya di Mesir yang dipelopori tokoh reformis yang terkenal iaitu Syed Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abdul dan Muhammad Rashid Rida. Kesan daripada pengaruh tokoh reformis ini, al-Hadi dan Syeikh Tahir telah membawa semangat pembaharuan di Mesir ke Tanah Melayu dalam usaha untuk mereformasikan sikap orang Melayu supaya memahami Islam secara menyeluruh terutamanya dalam aspek pengislahan sistem Pendidikan Islam. Idea pengislahan inilah yang membawa kepada pengasasan Madrasah al-Mashoor al-Islamiah Pulau Pinang sehingga menjadi sebuah institusi Pendidikan Islam tersohor bukan sekadar di Tanah Melayu malah terkenal ke seluruh Nusantara dan Timur Tengah.

### **Pengasasan Madrasah al-Mashoor al-Islamiah**

Perkembangan gerakan islah di Timur Tengah pada awal abad ke-20 yang telah menular ke Tanah Melayu telah membawa pengaruh yang besar terutamanya dalam bidang sistem Pendidikan Islam. Pendidikan Islam mengalami satu perkembangan baharu sebaik sahaja idea islah mula berkembang dalam masyarakat Islam iaitu dengan kemunculan sistem madrasah yang lebih formal dan sistematik berbanding dengan sistem pondok. Di Pulau Pinang, antara madrasah yang terawal diasaskan adalah di Bukit Mertajam dikenali sebagai Madrasah Masriyyah yang telah ditubuhkan pada tahun 1906.<sup>1</sup> Kejayaan madrasah ini telah dijadikan model utama pengasasan madrasah lain dan ini terbukti lahirnya sebuah lagi madrasah yang seumpamanya iaitu Madrasah al-Iqbal Islamiah Singapura pada tahun 1908 yang menggunakan sistem pendidikan moden dari Mesir.<sup>2</sup>

Penubuhan dan perkembangan pelbagai jenis sekolah sekular pada awal abad ke-20 berlaku dengan pesat di Tanah Melayu kesan daripada penjajahan British telah menyebabkan masyarakat Islam berketurunan Arab telah bersama-sama mengasaskan sebuah institusi madrasah yang berasaskan kepada Islam dan Arab. Tujuan utama pengasasan madrasah ini disebabkan mereka mahukan institusi ini dapat memberikan pengajaran dan pengisian ilmu agama Islam, Fardu Ain serta bahasa Arab dalam kalangan anak-anak mereka. Selain itu, dengan adanya institusi tersebut dan dapat memainkan peranan untuk mengelakkan dan menyelamatkan anak-anak mereka daripada menjadi mangsa kejahatan.<sup>3</sup>

Sehubungan dengan itu, satu perbincangan telah dilakukan pada 7 Jun 1914 bertempat di rumah Tuan Syed Hashim al-Sagoff bersama-sama dengan beberapa pemimpin masyarakat Arab yang lain<sup>4</sup> untuk membincangkan mengenai penubuhan sebuah madrasah di kawasan mereka. Setelah selesai perbincangan tersebut, satu jawatankuasa<sup>5</sup> telah dibentuk untuk melaksanakan rancangan mengasaskan madrasah tersebut yang dianggotai oleh Mufti Pulau Pinang iaitu Syeikh Haji Zakaria, Syed Hassan al-Baghdad, Syed Amar Mahdhar, Syed Omar al-Sagoff, Syed Syeikh Ali Bawazir, Syed Mahdhar Aidid

<sup>1</sup> Osman Bakar (t.t), "Haji Salleh Masri, Pengasas Madrasah al-Masriyyah," dalam *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 62.

<sup>2</sup> Mohammad Redzuan Othman (2007), "Masjid al-Haram Sebagai Sebuah Institusi Pengajian: Peranannya dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Melayu," dalam Farid Mat Zin (ed.), *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, Shah Alam: Karisma Publication, h. 54.

<sup>3</sup> SPP/P/1 (t.t), *Sejarah Madrasah al-Mashoor al-Islamiah (Lelaki dan Perempuan) Pulau Pinang*, Surat Persendirian Shaikh Ahmad Osman Bajunid, h. 2.

<sup>4</sup> Antara mereka yang hadir untuk perbincangan tersebut ialah Tuan Syed al-Mashoor, Syeikh Haji Zakaria, Hapiz Ghulam Sherwar, Haji Muhamad Nor, Syed Abdullah Dahlan, Syed Umar al-Mahdhar dan Syed Salleh bin Syed Hasyim al-Sagoff yang dilantik sebagai setiausaha. Lihat Muhammad Daud (1980), *Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah Pulau Pinang: 1916-1969*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, h. 48.

<sup>5</sup> Jawatankuasa ini dikenali sebagai Lembaga Perhimpunan Pekerjaan Kebajikan Bagi Segala Madrasah Islam. Ahlinya terdiri di antara lapan hingga sebelas orang. Ahli jawatankuasa adalah terdiri daripada mereka yang dihormati dalam masyarakat setempat dan mempunyai sumber kewangan yang baik. Lihat SP10/583, Syeikh Tahir Papers, Surat Persendirian Syeikh Tahir.

dan diketuai oleh Syed Abdul Rahman al-Habshee. Kesemuanya mereka ini adalah merupakan pemimpin masyarakat Islam Arab yang terkenal pada ketika itu.<sup>6</sup>

Sumber kewangan untuk menggerakkan madrasah ini diperolehi dari derma pedagang Arab serta masyarakat Islam di sekitar Pulau Pinang. Hasil perbincangan dan pembentukan jawatankuasa tersebut sebuah madrasah telah berjaya diasaskan pada 16 Muharam 1335H bersamaan dengan 11 November 1916 yang dikenali sebagai 'Madrasah al-Quran'. Lokasi pertama madrasah ini adalah di Kampung Tuan Guru<sup>7</sup>, sebuah perkampungan masyarakat Islam Arab-Acheh yang berdekatan dengan Masjid Melayu di Lebuah Acheh<sup>8</sup> dengan mengambil kira kepadatan masyarakat Islam di kawasan tersebut pada ketika itu. Pihak jawatankuasa ini juga telah memilih serta melantik guru yang akan mengajar di madrasah ini iaitu al-Habshee. Kelas telah diadakan pada waktu pagi serta petang dan al-Habshee sendiri yang mengajar al-Quran serta bahasa Arab.<sup>9</sup>

Pada peringkat awal penubuhan madrasah ini terdapat kumpulan pertama yang memasuki madrasah terdiri daripada 16 orang pelajar lelaki dan kebanyakannya adalah daripada anak Arab. Selepas kemasukan kumpulan pertama ini, sambutan yang diterima amat menggalakan dan memberangsangkan dengan mencatat jumlah kemasukan pelajar seramai 50 orang. Memandangkan kepada sambutan yang diterima, pihak jawatankuasa madrasah telah melantik dua orang tenaga pengajar untuk membantu al-Habshee iaitu Syed Dahlan dan Syeikh Ahmad al-Khaidir.<sup>10</sup> Perkembangan Madrasah al-Quran semakin pesat dan maju dengan kehadiran dan perlantikan al-Hadi sebagai mudir madrasah. Beliau telah membawa idea islahnya dalam usaha menjadikan madrasah ini sebagai sebuah institusi Pendidikan Islam yang terkenal di Tanah Melayu sehingga dikenali sebagai Madrasah al-Mashoor al-Islamiah.<sup>11</sup>

### **Peranan Syed Syeikh al-Hadi**

Al-Hadi memainkan peranan yang amat penting dalam pengislahan sistem pendidikan Islah di Tanah Melayu. Pada peringkat awal, beliau bersama-sama dengan Syeikh Tahir serta Haji Abbas Mohd. Taha mendukung gerakan islah untuk mengembangkan pemikiran mereka melalui akhbar *al-Imam* yang dibiayai oleh Syeikh Awad al-Sa'aidan.<sup>12</sup> Menurut Mohammad Redzuan Othman, kelompok yang membawa pemikiran islah ini dikenali sebagai Kaum Muda kerana dikaitkan dengan kumpulan Turki Muda yang dikatakan tidak mengikut ajaran Islam yang sebenar.<sup>13</sup> Pemikiran yang dibawa oleh Kaum Muda ini telah mendapat penentangan dari kumpulan pemikiran yang konservatif yang dikenali sebagai Kaum Tua.<sup>14</sup>

Tentangan Kaum Tua terhadap pemikiran Kaum Muda dapat dilihat apabila Kaum Muda tidak diberi peluang untuk menyebarkan pemikiran islah mereka melalui institusi agama yang rasmi. Sehubungan dengan itu, gerakan Kaum Muda ini memilih untuk menyebarkan pemikiran mereka melalui institusi pendidikan iaitu dengan membuka madrasah. Melalui saluran inilah mereka menyebarkan pemikiran islah dalam usaha memberi kesedaran sosial kepada masyarakat Melayu. Kaum Muda juga

---

<sup>6</sup> Ahmad Dzulfahmi Muhamad (2019), "Sumbangan Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah Pulau Pinang dalam Sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu, 1916-1972," dalam Ishak Saat & Ku Boon Dar (ed.), *Sejarah dan Rencam Warisan Alam Melayu*, Batu Pahat: Penerbit UTHM, h. 76.

<sup>7</sup> Nama asal kampung ini ialah Kampung Che Long mengambil sempena nama seorang tokoh agama dan ulama yang berasal dari Madura, Indonesia iaitu Abdul Ghani Abdul Rashid. Lihat Shohana Hussin (2016), "Tokoh dan Institusi Pendidikan Islam di Pulau Pinang," dalam Muhammad Haji Salleh & Mahani Musa (ed.), *Masyarakat Melayu Pulau Pinang dalam Arus Sejarah*, Pulau Pinang: Penerbit USM, h. 67.

<sup>8</sup> Omar Farouk Shaiek Ahmad (1978), "The Arabs in Penang," dalam Khoo Khay Kim (ed.), *Malaysia in History*, XXI:2, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 7.

<sup>9</sup> Amini Amir Abdullah (1997), "Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah, Pulau Pinang: Pengaruh dan Perkembangan," dalam Badriyah Haji Salleh (ed.), *Sejarah Islam Pulau Pinang: Tokoh dan Sumbangan Jilid 3*, Jurnal Penyelidikan Sejarah Islam Pulau Pinang, Lebuah Pantai: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, h. 30.

<sup>10</sup> Muhammad Daud (1980), "Madrasah al-Mashoor Al-Islamiah," h. 51.

<sup>11</sup> Nama Madrasah al-Quran telah dinamakan semula dengan nama Madrasah al-Mashoor al-Islamiah sempena nama Syed Ahmad al-Mashoor atau Tuan Habib al-Mashoor setelah berpindah ke lokasi baharu di Kampung Jawa Lama. Al-Mashoor merupakan seorang Penghulu di Jelutong dan ketua komuniti masyarakat Arab yang amat berpengaruh dan dihormati oleh pihak berkuasa Negeri-negeri Selat. Lihat SP/63/4 (t.t), "Sekolah-sekolah Ugama Pulau Pinang," Surat Persendirian Haji Fathil Basheer, h. 2.

<sup>12</sup> Syed Alwi al-Hady (1999), "The Life of My Father," dalam Alijah Gordon (ed.), *The Real Cry of Syed Syeikh al-Hady*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute, h. 77.

<sup>13</sup> Mohammad Redzuan Othman (2012), *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit UM, h. 114.

<sup>14</sup> Untuk maklumat lanjut mengenai tafsiran label di antara Kaum Muda dan Kaum Tua, lihat William R. Roff (1962), "Kaum Muda – Kaum Tua: Innovation and Reaction Amongst the Malays, 1900-1941," dalam K.G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapore: Malaya Publishing House, h. 162-165.

menggunakan pendekatan pendidikan madrasah yang mengikut model Mesir sepertimana yang digunakan di Madrasah al-Iqbal al-Islamiah.<sup>15</sup>

Al-Hadi cuba mengaplikasikan model Madrasah al-Iqbal ini dengan mengasaskan Madrasah al-Hadi di Bandar Kaba Melaka dengan tujuan utamanya adalah untuk memberikan pendidikan agama secara moden dan lebih menyeluruh namun mengalami kegagalan tiada sambutan daripada masyarakat setempat.<sup>16</sup> Kegagalan ini tidak mematahkan semangatnya untuk menyebarkan idea islahnya dan beliau seterusnya berhijrah ke Pulau Pinang dengan mengasaskan pula Madrasah al-Mashoor al-Islamiah.<sup>17</sup> Penghijrahan al-Hadi ke Pulau Pinang juga bertujuan untuk mengembangkan dakwah Islamiah dan mereformasikan institusi Pendidikan Islam di sana.<sup>18</sup> Perlantikan al-Hadi sebagai mudir madrasah ini adalah berdasarkan pengalaman yang dimiliki beliau dalam pentadbiran madrasah kerana al-Hadi pernah mengemudi Madrasah al-Hadi Melaka sebelum berhijrah ke Pulau Pinang.

Selain itu, al-Hadi juga mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang pendidikan setelah mendapat pendedahan di Timur Tengah dan terpengaruh dengan idea pembaharuan yang dibawa oleh al-Afghani, Abduh dan Rashid Rida.<sup>19</sup> Sebagaimana pandangan Abduh, al-Hadi percaya bahawa tahap ilmu dan pendidikan yang rendah dalam kalangan orang Islam merupakan faktor yang menghalang kemajuan. Beliau yakin bahawa ilmu dan pendidikan adalah alat kepada pembaharuan minda.<sup>20</sup>

Peranan al-Hadi dalam aspek kurikulum dapat dilihat amat penting apabila beliau melakukan beberapa pengislahan dengan memasukkan pengajaran bahasa Inggeris dalam sistem kurikulum madrasah. Al-Hadi melihat akan kepentingan bahasa ini dalam era moden untuk mencapai kemajuan. Antara guru yang mengajar subjek bahasa Inggeris ialah Syed Alwi al-Hadi, Haji Muhammad Shariff, Haji Shamshudin J.P., dan Omar Menora.<sup>21</sup> Bagi kursus 'Ulum al-Syariah' pula, di antara guru yang mengajar ialah al-Hadi sendiri, Syeikh Tahir<sup>22</sup>, Syeikh Muhammad Radzi, Abdul Rahman Firdaus dan al-Habshee. Di dalam kursus ini terdapat pelbagai disiplin ilmu dalam Islam iaitu *Ulum al-Quran, Hadis, Fiqh, Tafsir, Tauhid* dan *Falak*.<sup>23</sup>

Selaras dengan pertambahan murid dan pembentukan satu badan pentadbiran yang lebih teratur, madrasah ini memerlukan tenaga pengajar yang berpengalaman. Al-Hadi menggunakan pengalaman yang ada padanya untuk mencari guru-guru yang berpengalaman dan berkelulusan. Beliau menghubungi kawan-kawannya di Makkah supaya membantunya untuk mencari beberapa orang guru yang sesuai untuk mengajar madrasah ini. Dengan bantuan daripada seorang kawannya, Syed Ahmad al-Najir berjaya menghubungi Syeikh Abdullah al-Maghribi dan beliau bersetuju untuk mengajar di Pulau Pinang seterusnya mengajar di madrasah ini tahun 1918.<sup>24</sup> Al-Hadi juga berusaha untuk meningkatkan mutu pembelajaran dan pengajaran di madrasah ini. Kesemua guru yang mengajar di madrasah ini adalah dalam kalangan orang Arab kerana ingin mengekalkan tradisi dan ini telah berjaya mengekalkan satu standard tinggi untuk pengajian bahasa Arab di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah.<sup>25</sup>

Selain itu, al-Hadi juga tidak mengamalkan sistem pendidikan seperti di institusi pondok yang hanya semata-mata menghafal tanpa pemahaman atau menggunakan pendekatan pengajian yang sempit. Beliau telah melaksanakan islah dalam sistem pendidikan terdahulu dengan memperkenalkan sistem

---

<sup>15</sup> Mohd Sarim Haji Mustajab (1975), *Islam dan Perkembangannya dalam Masyarakat Tanah Melayu, 1900-1940*, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 356.

<sup>16</sup> Walau bagaimanapun, idea islah yang al-Hadi cuba bawa dan ketengahkan tidak dapat diterima oleh penduduk setempat kerana masih belum berfikir terbuka dan kolot untuk menerima sebarang pembaharuan.

<sup>17</sup> Rahim Osman (t.t), "Madrasah Masyhur al-Islamiah," dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 75-85.

<sup>18</sup> Talib Samat (1996), "Syed Syeikh Al-Hadi: Pelopor Pendidikan Islam Terawal di Pulau Pinang," dalam Fadlullah Jamil (ed.), *Sejarah Islam Pulau Pinang: Tokoh dan Sumbangan Jilid 2*, Jurnal Penyelidikan Sejarah Islam Pulau Pinang, Lebu Pantai: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, h. 38.

<sup>19</sup> Lihat Amini Amir Abdullah (1995), *Pemikiran Islam: Peranan Tokoh-tokoh Islah dan Cabaran Aliran-aliran Pemikiran Semasa*, Tesis Sarjana (Pengajian Islam), Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.

<sup>20</sup> Nurizan Baharum (2011), "Pengaruh Reformasi Pendidikan Muhammad Abduh," *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, 25-26 November 2011, h. 393.

<sup>21</sup> Amini Amir Abdullah (1997), "Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah," h. 32.

<sup>22</sup> Syed Syeikh al-Hadi sendiri telah menjemput telah menjemput kawan rapatnya ini di Singapura datang ke Pulau Pinang untuk mengajar di madrasah ini. Lihat Mohd Sarim Mustajab (1975), "Islam dan Perkembangan Dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu 1900-1940," h. 15 – 35.

<sup>23</sup> Ahmad Dzulfahmi Muhamad (2013), *Sejarah dan Perkembangan Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah Pulau Pinang, 1916-1969*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 84.

<sup>24</sup> Ahmad Dzulfahmi Muhamad (2013), *Sejarah dan Perkembangan Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah Pulau Pinang, 1916-1969*, h. 84.

<sup>25</sup> Omar Farouk Shaiek Ahmad (1978), "The Arabs in Penang," h. 8.

peperiksaan tahunan, menganjurkan majlis syarahan dan perbahasan serta pertandingan yang dapat mengasah minda pelajar supaya lebih terbuka. Aktiviti ini juga bertujuan untuk melahirkan anak Melayu yang peka dengan isu semasa serta ditanamkan dengan semangat kesedaran.<sup>26</sup> Bukan itu sahaja, al-Hadi juga memainkan peranan yang penting dalam pengislahan sistem Pendidikan Islam di Pulau Pinang apabila membenarkan pelajar perempuan untuk bersama-sama mengikuti pengajian di madrasah ini. Al-Hadi telah memperjuangkan hak pendidikan terhadap anak perempuan Islam. Anak perempuan sepatutnya diberi peluang mendapat pendidikan yang sama seperti anak lelaki dan bukan hanya menguruskan rumah tangga semata-mata.<sup>27</sup>

Setelah perlantikan al-Hadi sebagai mudir, beliau telah mencadangkan agar madrasah ini dipindahkan ke Kampung Jawa Lama.<sup>28</sup> Bangunan madrasah ini ditempatkan di sebuah rumah wakaf kepunyaan Allahyarham Maidin Said yang merupakan salah seorang ahli jawatankuasa madrasah. Tujuan utama pemindahan ini adalah disebabkan keadaan di Lebuh Acheh yang sibuk sebagai sebuah pusat perniagaan berbanding di Kampung Jawa Lama yang keadaannya agak tenang sesuai dengan aktiviti pendidikan. Daripada sinilah nama Madrasah al-Quran diubah namanya kepada Madrasah al-Mashoor al-Islamiah. Melihat kepada perkembangan dan pertambahan pelajar yang semakin pesat, al-Hadi sekali memindahkan operasi madrasah ke Lebuh Tek Soon. Bangunan baharu madrasah ini adalah sebuah rumah yang ditawarkan oleh Haji Abu Bakar Ahmad juga dikenali sebagai Haji Bachik setelah dipujuk oleh al-Hadi.<sup>29</sup>

Pemindahan madrasah ini terpaksa dilakukan kerana pertambahan pelajar yang agak mendadak dan tidak mampu ditampung lagi sedangkan bilangan kelas agak terhad di Kampung Jawa Lama jika dibandingkan dengan rumah Haji Bachik ini. Setelah beberapa bulan madrasah ini beroperasi, al-Hadi kemudiannya membina sebuah lagi bangunan dengan mendapat bantuan kewangan daripada Haji Bachik, Maidin Syah di samping derma orang ramai untuk menampung pertambahan pelajar yang semakin meningkat. Pada ketika ini terdapat hampir 300 orang pelajar yang menuntut di madrasah ini. Namun begitu, pembinaan bangunan ini tidak dapat diteruskan kerana menghadapi masalah kewangan. Walau bagaimanapun, pembinaan bangunan ini telah diteruskan kembali semasa pentadbiran Syeikh Abbas Bakar Rafiee dan dapat disiapkan pada tahun 1925.<sup>30</sup>

Pelbagai perubahan baru diperkenalkan di madrasah tersebut baik dari segi sukatan pelajarannya mahupun kepada struktur pentadbirannya. Walau bagaimanapun, pada tahun 1919, al-Hadi telah meletakkan jawatan mudir Madrasah al-Mashoor al-Islamiah setelah memegang jawatan tersebut pada 1916. Penglibatan al-Hadi dalam pentadbiran Madrasah al-Mashoor al-Islamiah telah membawa perubahan yang besar sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu. Sistem kurikulum telah direformasikan dengan kurikulum yang lebih moden dalam usaha untuk memberi penekanan seimbang dalam aspek pendidikan agama dan sekular bagi memenuhi keperluan semasa. Pengislahan yang dilaksanakan oleh al-Hadi telah menjadikan madrasah ini setanding dengan sekolah Inggeris yang sezaman dengannya.<sup>31</sup>

### **Peranan Syeikh Abdullah al-Maghribi**

Sebelum al-Hadi meletakkan jawatan sebagai mudir, beliau telah menjemput al-Maghribi<sup>32</sup> untuk mengajar di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah dan al-Maghribi bertugas sebagai guru bersama-sama dengan al-Hadi pada tahun 1918.<sup>33</sup> Perletakan jawatan al-Hadi sebagai mudir pada tahun 1919 telah meninggalkan jawatan tersebut kosong buat beberapa waktu. Selepas perbincangan dilakukan dalam jawatankuasa madrasah, mereka telah mengesahkan perlantikan al-Maghribi sebagai mudir madrasah yang baharu pada tahun 1919.<sup>34</sup>

<sup>26</sup> Mohammad Redzuan Othman (2012), *Islam dan Masyarakat Melayu*, h. 115.

<sup>27</sup> William R. Roff (1967), *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 82-83.

<sup>28</sup> SP/10/583 (t.t), Syeikh Tahir Papers, Surat Persendirian Syeikh Tahir.

<sup>29</sup> SPP/P/1 (t.t), Sejarah Madrasah al-Mashoor al-Islamiah, h. 2.

<sup>30</sup> Muhammad Daud (1980), "Madrasah al-Mashoor Al-Islamiah," h. 58.

<sup>31</sup> Latifah Abdul Latif (2017), "Sumbangan Orang Arab dalam Pendidikan Agama@Madrasah di Malaysia, Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization, Universiti Sultan Zainal Abidin, h. 191.

<sup>32</sup> Kedatangan Syeikh Abdullah al-Maghribi ke Pulau Pinang adalah inisiatif Syed Syeikh al-Hadi yang sedang mencari guru untuk mengajar di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah kerana ingin menampung bilangan pelajar yang semakin bertambah. Al-Hadi telah meminta bantuan dari sahabatnya iaitu Syed Tahsin al-Kaaf yang berada di Makkah untuk mencari calon guru madrasah ini. Lihat Mohd Sarim Mustajab (1976), "Syeikh Abdullah Maghribi: Pendidik dan Kaum Muda," *JEBAT*, Bil. 5/6, h. 1.

<sup>33</sup> Lihat HCO.638/1935. Copy of Report Syeikh Abdullah.

<sup>34</sup> Ahmad Dzulfahmi Muhamad (2013), "Sejarah dan Perkembangan Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah," h. 86.

Pengalamannya mengajar al-Maghribi semasa di Makkah besar kemungkinan mempengaruhi pemikirannya. Di Makkah ketika itu sedang tersebar idea gerakan Wahabi<sup>35</sup> dan aliran pemikiran itu dipercayai cuba diterapkan di madrasah ini. Beberapa perubahan drastik cuba diperkenalkan yang bertentangan dengan fahaman Kaum Tua dan oleh sebab itu tidak hairanlah jika al-Maghribi juga telah dikecam sebagai golongan Kaum Muda.<sup>36</sup> Faktor lain yang membantunya menyebarkan idea-idea ialah hasil perkenalannya dengan Syeikh Tahir dan juga inspirasi daripada al-Hadi sendiri.<sup>37</sup>

Peranan Al-Maghribi dalam pengislahan sistem pendidikan di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah dapat dilihat apabila beliau melakukan beberapa perubahan kepada pentadbiran dan struktur kurikulum madrasah. Al-Maghribi telah memberi penekanan dan melaksanakan beberapa pembaharuan terutamanya dalam subjek agama Islam. Beberapa subjek baru telah diperkenalkan oleh beliau seperti ilmu *Mantik*, *Insha*, *Balagha* dan *Nusus*. Subjek yang diperkenalkan oleh al-Maghribi ini tidak pernah diajar semasa al-Hadi menjadi mudir.<sup>38</sup>

Selain daripada itu, madrasah ini menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar serta menggunakan buku-buku muktabar ulama Islam yang berbahasa Arab telah dijadikan sebagai rujukan dan buku teksnya. Subjek yang diajar ialah seperti *Usul Fiqh*, *Nahu*, *Saraf*, *al-Adab al-Arabiyyah*, *Aqidah*, *Falsafah*, dan Sejarah Perkembangan Mazhab. Antara kitab-kitab terkenal yang diajar di madrasah ini adalah seperti kitab *Subul al-Salam*, *Nail al-Awtar*, dan *al-Umm*. Subjek bahasa Inggeris masih lagi dijadikan kurikulum sebagai meneruskan inisiatif al-Hadi yang menyedari kepentingan bahasa ini dan kesedaran tentang kesepaduan ilmu telah wujud ketika itu lagi.<sup>39</sup>

Pada awal tahun 1920-an, kelas malam telah diwujudkan untuk menampung pelajar-pelajar separuh masa untuk mempelajari bahasa Arab dan ilmu agama. Beberapa orang guru dari Mesir dan Makkah dijemput oleh al-Maghribi untuk menampung pertambahan pelajar yang semakin ramai. Antara tenaga pengajar telah dijemput oleh al-Maghribi untuk mengajar di madrasah ini adalah Syeikh Ahmad al-Hadi dan Hapiz Ghulam Sharwar.<sup>40</sup>

Antara pencapaian al-Maghribi selama memegang jawatan Mudir Madrasah al-Mashoor al-Islamiah ini adalah beliau telah berjaya menghantar beberapa pelajar lepasan madrasah ini ke Universiti al-Azhar, Mesir untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana muda. Ini merupakan satu kejayaan yang bersejarah kepada madrasah ini kerana buat pertama kalinya beberapa orang pelajar madrasah ini diterima belajar di universiti al-Azhar Mesir, Makkah dan di Iraq dalam pelbagai bidang ilmu agama. Kejayaan ini tidak dapat dinafikan lagi kerana kebolehan pelajar-pelajarnya menguasai bahasa Arab dengan baik. Semasa al-Hadi menjadi mudir, beliau juga telah berusaha untuk menghantar beberapa orang pelajar madrasah untuk melanjutkan pelajaran ke beberapa buah universiti di Timur Tengah tetapi masih belum berjaya.<sup>41</sup>

Al-Maghribi telah meletakkan jawatan sebagai mudir kedua Madrasah al-Mashoor al-Islamiah pada tahun 1922 kerana pihak madrasah didakwa tidak dapat membayar hutangnya sebanyak \$2000. Sebelum al-Maghribi meletakkan jawatan, beliau telah berusaha mencari ganti untuk jawatan mudir dan meminta sahabatnya Syed Ali Abdullah al-Zawawi untuk mencari calon mudir tersebut apabila sekembalinya beliau ke Makkah nanti. Sebelum sampai ke Makkah, Syed Ali telah bertemu dengan Syeikh Abbas dan Syeikh Ibrahim Biari di India dan menyatakan hasrat al-Maghribi. Mereka berdua bersetuju menerima tawaran tersebut tetapi dengan syarat pihak Jemaah Pentadbir Madrasah bersetuju untuk menaja tambang perjalanan mereka ke Pulau Pinang.<sup>42</sup>

<sup>35</sup> Maklumat lanjut mengenai Muhammad bin Abdul Wahab lihat Amini Amir Abdullah, 'Pemikiran Islam: Peranan Tokoh-tokoh Ishlah dan Cabaran Aliran-Aliran Pemikiran Semasa'.

<sup>36</sup> Untuk keterangan lanjut mengenai Syeikh Abdullah Maghribi dan aliran pemikirannya sebagai "Kaum Muda" lihat William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, h. 56-87.

<sup>37</sup> Emy Azzati & Salasiah Hanin Hamjah (2008), "Syeikh Abdullah al-Ghadamishi al-Maghribi: Sumbangannya dalam Bidang Pendidikan dan Gerakan Ishlah," dalam *Nadwah Ilmiah al-Saniah Haul Syeikh Abdullah al-Ghadamishi (Maghribi) Dauruhu fi al-Dakwah wa I' Lam fi Biladi Malaya*, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 3, Lihat juga SP10/1288/81, Surat kepada Syeikh Tahir dari Abdullah Maghribi 17 Jun 1930, mengenai keadaannya, SP10/1314/81, Surat dari Syeikh Tahir kepada Syeikh Abdullah Maghribi, 29 Oktober 1928.

<sup>38</sup> Muhammad Daud (1980), "Madrasah al-Mashoor Al-Islamiah," h. 62.

<sup>39</sup> Amini Amir Abdullah (1997), "Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah," h. 34.

<sup>40</sup> Emy Azzati & Salasiah Hanin Hamjah, "Syeikh Abdullah al-Ghadamishi al-Maghribi," h. 20.

<sup>41</sup> Ahmad Dzulfahmi Muhamad (2016), "Pengaruh Timur Tengah Terhadap Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah," *Jurnal Sains Humanika*, Bil. 8, no. 3-2, h. 113.

<sup>42</sup> Omar Farouk Shaiek Ahmad (1978), "The Arabs in Penang," h. 8.

Jawatankuasa Pentadbiran Madrasah bersetuju dengan syarat yang dinyatakan oleh Syeikh Abbas dan Syeikh Ibrahim. Setibanya mereka berdua ke Pulau Pinang, al-Maghribi melatih mereka berdua terlebih dahulu sebagai tenaga pengajar sebelum beliau meletakkan jawatan sebagai mudir. Pada sekitar tahun 1922, Syeikh Abbas telah menggantikan tempat al-Maghribi sebagai mudir yang ketiga madrasah ini.<sup>43</sup>

### **Peranan Syeikh Abbas Bakar Rafiee**

Syeikh Abbas meneruskan usaha untuk memantapkan dan menggerakkan pentadbiran Madrasah al-Mashoor al-Islamiah dengan dibantu oleh guru-guru dan ahli Jawatankuasa Madrasah. Pada masa inilah dapat dilihat beberapa kemajuan dan perkembangan baharu madrasah dan usaha ke arah untuk memodenkan madrasah telah diambil. Ahli jawatankuasa Madrasah al-Mashoor al-Islamiah bersetuju menerima Syeikh Abbas dan Syeikh Ibrahim untuk menjadi guru di madrasah ini. Syeikh Abbas juga telah dilantik secara rasmi menjadi mudir madrasah ini pada tahun 1922 menggantikan Hapiz Ghulam Sharwar yang telah memangku jawatan tersebut buat sementara waktu.

Pada ketika itu, jumlah keseluruhan pelajar Madrasah al-Mashoor al-Islamiah adalah sebanyak 150 orang dan terdapat 25 orang bagi setiap kelas yang mengandungi enam kelas kesemuanya. Sejak Syeikh Abbas memegang jawatan sebagai mudir, madrasah ini mulai beroperasi dengan baik dan bertambah maju setelah mengalami beberapa masalah sebelumnya. Jumlah kemasukan pelajar dan kutipan derma serta bantuan kewangan daripada masyarakat sekitarnya juga semakin meningkat. Ahli jawatankuasa madrasah juga telah memohon Syeikh Abbas berusaha untuk mencari beberapa orang lagi guru daripada Makkah memandangkan kepada jumlah pelajar yang semakin bertambah. Pada akhir tahun 1923, Syeikh Abbas telah menulis surat kepada seorang sahabatnya Syeikh Muhammad Syatar dan adiknya Syeikh Mohd Hussain Bakar Rafiee yang sedang berada di Makkah meminta mereka datang ke Pulau Pinang untuk menjadi tenaga pengajar di madrasah ini dan mereka tiba di Pulau Pinang dengan perbelanjaan sendiri pada tahun tersebut.<sup>44</sup>

Syeikh Hussain serta Syeikh Muhammad telah dibawa bertemu dengan ahli jawatankuasa madrasah dan berbincang mengenai jawatan guru dan syarat-syarat lain yang dikenakan. Syeikh Muhammad tidak menerima jawatan guru yang ditawarkan kepadanya dengan alasan gaji yang ditawarkan agak rendah dan tidak memuaskan iaitu sebanyak \$50.00 sebulan sahaja. Beliau terus meninggalkan Pulau Pinang dan pergi ke Indonesia untuk mencari pekerjaan lain yang lebih sesuai di sana. Syeikh Hussain yang merupakan adik kepada Syeikh Abbas telah diambil berkhidmat di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah bersama dua orang lagi rakannya iaitu Syed Shata dan Syed Muhammad al-Bakri. Beliau menerima jawatan guru di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah dan terus bekerjasama dengan abangnya Syeikh Abbas untuk memajukan madrasah ini.<sup>45</sup>

Antara usaha dan peranan Syeikh Abbas dalam mengislahkan sistem Pendidikan Islam adalah dengan menyusun kembali dan memantapkan sistem pentadbiran madrasah yang berada dalam keadaan tidak sistematik. Beliau melantik Syeikh Ibrahim sebagai Penolong Mudir untuk membantu beliau dalam aspek pentadbiran dan akademik madrasah dan pada peringkat awal pentadbiran Syeikh Abbas, terdapat 50 tenaga pengajar di madrasah ini yang terdiri daripada 37 orang guru lelaki dan 13 orang guru wanita.<sup>46</sup> Syeikh Abbas telah memberi tugas yang khas kepada guru-guru mengikut pengalaman dan kesesuaian. Sukatan pelajaran telah disusun dan diperbaiki supaya lebih mantap serta jadual waktu pelajaran harian telah disusun dengan sistematik.

Selain daripada itu, Syeikh Abbas telah memperkenalkan beberapa peraturan madrasah yang baharu seperti tidak dibenarkan menggunakan bahasa selain bahasa Arab. Bukan itu sahaja, pelajar juga diwajibkan menggunakan bahasa Inggeris pada sesi persekolahan waktu petang. Beliau juga telah memperkenalkan sebuah "lagu madrasah". Senikata lagu ini ditulis dalam Bahasa Arab. Antara lain senikatanya bermaksud memuji kesucian Ilahi dan kebesaran Madrasah al-Mashoor al-Islamiah sendiri.

---

<sup>43</sup>Amini Amir Abdullah (1997), "Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah," h. 35.

<sup>44</sup> Muhammad Daud (1980), "Madrasah al-Mashoor al-Islamiah," h. 67.

<sup>45</sup> Saliha Haji Hassan (1986), "Dr. Burhanuddin al-Helmi, 1911-1969," Kertas kerja Seminar Biografi Malaysia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 1.

<sup>46</sup> Amini Amir Abdullah (1997), "Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah," h. 35-36.

Pada tahun 1925, Syeikh Abbas telah menghubungi Universiti al-Azhar di Mesir untuk memohon bantuan dengan universiti tersebut agar menerima lima orang pelajar Madrasah al-Mashoor al-Islamiah setiap tahun yang ingin melanjutkan pelajaran di sana. Tujuan utama permohonan ini ialah untuk melatih pelajar-pelajar itu supaya dapat menjadi guru di madrasah ini selepas mereka tamat belajar nanti. Pihak Universiti al-Azhar bersetuju menerima permohonan itu dan sanggup membiayai perbelanjaan pendidikan setiap orang pelajar itu semasa di universiti al-Azhar sebanyak \$6 sebulan dan tinggal di asrama universiti secara percuma. Ahli jawatankuasa madrasah bersetuju menerima cadangan itu dan sanggup memungut derma perbelanjaan tambang pelajar dari Pulau Pinang ke Mesir.<sup>47</sup>

Akhbar *Idaran Zaman* keluaran tahun 1925 melaporkan mengenai pelajar yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar Mesir. Antara pelajar yang tersenarai untuk melanjutkan pelajaran ke Mesir ialah Yusuf Naim, Abu Bakar al-Asyaari, Ismail Basri dan Muhamad Tamin Sawi.<sup>48</sup> Sebanyak dua belas pelajar Madrasah al-Mashoor al-Islamiah yang telah melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar dan beberapa kolej atau pusat pengajian tinggi di Arab Saudi, sama ada dengan perbelanjaan sendiri atau biasiswa pihak universiti atau kolej tersebut. Pada tahun 1948, kerajaan Arab Saudi pula menawarkan lima kuota biasiswa kepada pelajar madrasah ini untuk melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi di Arab Saudi dalam bidang Syariah dan Usuluddin. Tawaran biasiswa ini diperolehi hasil daripada perbincangan Syeikh Abbas dengan pihak kerajaan Arab Saudi semasa beliau pulang ke sana pada pertengahan tahun 1946. Menurut perbincangan tersebut, kerajaan Arab Saudi akan menawarkan biasiswa kepada lima orang pelajar Madrasah al-Mashoor pada setiap tahun bermula daripada tahun 1945 sehingga tahun 1955.<sup>49</sup>

Biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah juga mudah didapati di madrasah ini dengan syarat pelajar haruslah lulus dengan cemerlang dan menamatkan pembelajaran di sekolah ini dahulu. Selain daripada biasiswa yang ditawarkan oleh hartawan Arab dan India Muslim, Kerajaan Arab Saudi juga turut menyumbangkan biasiswa. Setiap tahun seramai 5 orang pelajar akan ditaja oleh kerajaan Arab Saudi untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah.<sup>50</sup>

Biasiswa ini masih diberikan sehingga ke tahun 1978 dan secara keseluruhan, madrasah ini terkenal dan masyhur sebagai pusat persediaan untuk pelajar-pelajar sebelum melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah dan sijilnya juga senang menerima pengiktirafan daripada universiti di sana. Adalah perlu dijelaskan, sijil Madrasah al-Mashoor al-Islamiah telah diiktiraf oleh universiti-universiti di Timur Tengah kerana mutu pembelajaran bahasa Arabnya yang tinggi di samping keunikan kurikulumnya serta usaha-usaha yang dibuat oleh mudir madrasah dan jawatankuasa madrasahnyanya.<sup>51</sup>

Selain daripada itu, Syeikh Abbas juga telah mengambil inisiatif mengesyorkan pihak madrasah supaya menerbitkan majalah untuk menggalakkan budaya menulis dan membaca dalam kalangan pelajar-pelajar serta guru-guru. Akhirnya pihak madrasah dengan kreativiti pelajar dan gurunya berjaya menerbitkan beberapa majalah bulanan seperti *al-Rajaa*, *Wahdah al-Madaris* dan *Risalah al-Hijrah*. Beliau juga telah menghantar rombongan yang mengandungi beberapa orang guru dan pelajar melawat ke beberapa buah negeri di Tanah Melayu dan Singapura untuk meninjau negeri-negeri tersebut di samping merapatkan tali silaturrahim dan memperkenalkan Madrasah al-Mashoor al-Islamiah.<sup>52</sup>

Kewujudan sebuah majalah di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah pada masa itu adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti keadaan politik dan kemasyarakatan Pulau Pinang yang mengizinkan. Contohnya terdapat kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan kertas dan lain-lain bahan percetakan serta tempat percetakan kerana di Pulau Pinang sudah banyak akhbar dan majalah yang dikeluarkan oleh masyarakat Jawi Peranakan dan Arab. Kebanyakan masyarakat Pulau Pinang juga sendiri sudah tahu membaca dan menulis. Namun begitu, Majalah *al-Rajaa* terpaksa diberhentikan penerbitannya kira-kira dua tahun kemudiannya iaitu pada tahun 1926 kerana madrasah mengalami masalah kewangan

<sup>47</sup> Amini Amir Abdullah (1997), "Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah," h. 35-36.

<sup>48</sup> *Idaran Zaman*, 26 Mac 1925, h. 4.

<sup>49</sup> Muhammad Daud (1980), "Madrasah al-Mashoor al-Islamiah," h. 122.

<sup>50</sup> Muhammad Daud (1980), "Madrasah al-Mashoor al-Islamiah," h. 122.

<sup>51</sup> SPP/P/1, Sejarah Madrasah al-Mashoor al-Islamiah, h. 4.

<sup>52</sup> Talib Samat (2007), "Madrasah al-Mashoor al-Islamiah: Sekolah Agama Pertama di Pulau Pinang," dalam Sohaimi Abdul Aziz (ed.), *Dari Tanjung Penaga ke Georgetown: Membongkar Sejarah Negeri Pulau Pinang*, Pulau Pinang: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, h. 144.



dan masalah pertukaran pelajar-pelajar sama ada melanjutkan pelajaran ke luar negeri atau berpindah ke tempat lain atau berhenti dari madrasah.<sup>53</sup>

Peranan Syeikh Abbas dalam mengislahkan sistem Pendidikan Islam dapat dilihat apabila pada tahun 1927, beliau telah memperkenalkan satu majlis berkumpulan secara mingguan. Semua pelajar diarahkan berkumpul di dalam dewan untuk menyampaikan syarahan, sajak, syair dalam bahasa Arab. Setiap pelajar akan mengambil peranan masing-masing pada setiap minggu. Majlis ini diadakan dengan tujuan untuk melatih mereka supaya tidak kekok dan malu apabila berhadapan penonton serta masyarakat dan yang penting sekali ialah penguasaan bahasa Arab yang baik.<sup>54</sup>

Bukan itu sahaja, Syeikh Abbas juga memainkan peranan yang penting dalam pengislahan sistem Pendidikan Islam di Pulau Pinang apabila mengasaskan sebuah madrasah khusus untuk pelajar perempuan pada tahun 1934.<sup>55</sup> Peningkatan dan kemasukan pelajar perempuan ke madrasah ini telah menyebabkan perlunya sebuah madrasah yang khusus untuk pelajar perempuan sahaja. Sebelum madrasah bahagian perempuan ditubuhkan secara rasmi, Syeikh Abbas telah mengadakan Majlis Ihtifal khas dengan kaum ibu di Pulau Pinang untuk berbincang dan mendengar segala pendapat mereka mengenai penubuhan itu. Di dalam perbincangan itu ramai kaum ibu bersetuju dengan penubuhan madrasah itu.<sup>56</sup>

Penubuhan madrasah untuk pelajar perempuan adalah perlu kerana sebelum ini, pelajar perempuan dan pelajar lelaki akan belajar dalam satu kelas sama. Setelah terbinanya bangunan baru berhampiran dengan rumah Haji Bachik pada tahun 1925, pelajar perempuan telah diasingkan dengan pelajar lelaki di dalam kelas yang berasingan. Satu ruangan bilik di bangunan rumah Haji Bachik dijadikan kelas untuk pelajar perempuan sahaja dan semua pelajar lelaki ditempatkan di bangunan baharu.

Tindakan untuk memisahkan tempat belajar pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di dalam kelas yang berasingan iaitu di bangunan lama adalah bertujuan untuk mengelakkan terjadi sesuatu perkara yang tidak diinginkan berlaku di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan yang bukan 'muhrimnya'. Tujuannya untuk memisahkan terus hubungan dan pergaulan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Semasa perjalanan madrasah di Lebu Tek Soon, walaupun kelas pelajar lelaki dan perempuan dipisahkan tetapi pergaulan di antara mereka masih lagi wujud terutama di waktu rehat madrasah kerana pelajar lelaki dan perempuan bercampur gaul semasa makan di kantin, semasa perhimpunan dan di dalam majlis syarahan kerana kedua tempat belajar pelajar-pelajar lelaki dan perempuan terletak di dalam satu kawasan yang sama.<sup>57</sup>

Sehubungan dengan itu, perlunya sebuah bangunan madrasah bahagian perempuan yang berasingan kerana memandangkan jumlah pelajar perempuan semakin bertambah. Ibu bapa di sekitar Pulau Pinang sudah menyedari mengenai kepentingan pendidikan agama bagi anak-anak perempuan. Oleh itu mereka sanggup menghantar anak perempuan mereka untuk belajar di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah. Apabila madrasah bahagian perempuan diasingkan dari madrasah bahagian lelaki, perjalanan pentadbiran madrasah menjadi lebih sistematik dan teratur.

Setelah mengadakan beberapa perbincangan dan persediaan selanjutnya yang perlu untuk membuka sebuah madrasah bahagian perempuan, Syeikh Abbas bersetuju menggunakan rumah yang didiami olehnya sendiri di No. 59, Jalan Macalister, Pulau Pinang sebagai bangunan sementara beliau berusaha untuk mendapatkan sebuah bangunan yang tetap untuk pelajar perempuan. Rumah ini disewa oleh Syeikh Abbas daripada Syeikh Muhammad al-Hasawi dengan sewa bulanan sebanyak \$25.00 sebulan. Jarak di antara bangunan madrasah bahagian perempuan ini dengan bangunan madrasah bahagian lelaki Lebu Tek Soon ialah lebih kurang 3 kilometer.<sup>58</sup>

Melihat kepada kesungguhan Syeikh Abbas, jawatankuasa Madrasah al-Mashoor al-Islamiah bersetuju untuk membuka madrasah bahagian perempuan namun dengan bersyarat iaitu pihak madrasah tidak akan membayar gaji kepada guru-guru yang mengajar di madrasah bahagian perempuan. Ini adalah

<sup>53</sup> Ahmad Dzulfahmi Muhamad (2019), "Sumbangan Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah," h. 91.

<sup>54</sup> SPP/P/1, Sejarah Madrasah al-Mashoor, h. 4.

<sup>55</sup> Rahim Osman (t.t), "Madrasah Masyhur al-Islamiyyah," h. 80.

<sup>56</sup> Muhamad Daud (1980), "Madrasah al-Mashoor al-Islamiyyah," h. 92-93.

<sup>57</sup> Rahim Osman (t.t), "Madrasah Masyhur Al-Islamiyyah," h. 76.

<sup>58</sup> Latifah Abdul Latif (2017), "Sumbangan Orang Arab dalam Pendidikan Agama@Madrasah," h. 191.

kerana pihak madrasah mengalami kekangan kewangan disebabkan kurangnya derma khairat dan sumbangan yang diterima daripada masyarakat. Syeikh Abbas terpaksa menerima syarat tersebut dan terus membuka madrasah bahagian perempuan. Selepas setahun penubuhannya, madrasah bahagian perempuan mempunyai pelajar seramai 120 orang yang kebanyakannya berasal dari bandar Pulau Pinang, Seberang Perai dan daerah lain di dalam Pulau Pinang.<sup>59</sup>

Dalam usaha untuk memantapkan penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar Madrasah al-Mashoor al-Islamiah, Syeikh Abbas memainkan peranannya dengan mewujudkan sebuah perpustakaan atau dikenali *kutubkhanah* sebagai tempat membaca dan mencari ilmu serta juga sebagai satu kemudahan pendidikan yang penting kepada sesebuah institusi pendidikan. *Kutubkhanah* Madrasah al-Mashoor al-Islamiah telah dibuka dengan rasminya pada hari Ahad, 6 Februari 1938 oleh Encik Putih Badri, Setiausaha Agung Persatuan Sahabat Pena Malaya. Dalam usaha untuk memajukan perpustakaan Madrasah al-Mashoor al-Islamiah ini setiap orang guru dan pelajar akan dikenakan yuran mengikut kemampuan masing-masing. Pihak madrasah terpaksa meminta bantuan atau dorongan daripada orang ramai berupa wang, buku, akhbar dan majalah yang ingin didermakan oleh orang ramai untuk memperbanyakkan sumber rujukan untuk kegunaan pelajar Madrasah al-Mashoor al-Islamiah.

Peranan Syeikh Abbas semakin terserlah apabila Madrasah al-Mashoor al-Islamiah telah berjaya mengembangkan cawangannya ke Sabak Bernam, Selangor pada tahun 1938. Penubuhan cawangan ini adalah hasil daripada perbincangan di antara Syeikh Abbas dengan beberapa orang tokoh tempatan di Sabak Bernam untuk menubuhkan cawangan di situ. Madrasah cawangan ini diberi nama "Madrasah Muhamadiyah al-Sabakiyah, Cawangan Madrasah al-Mashoor". Akhbar *Saudara* ada menyatakan bahawa madrasah ini dipimpin oleh Tuan Haji Muhammad Ali, bekas Penghulu Sabak Bernam. Syeikh Ali Baladram sebagai mudir sementara Ustaz Karim Isa sebagai pembantunya.<sup>60</sup>

Pada tahun 1939, Madrasah al-Mashoor al-Islamiah berjaya pula membuka cawangan kedua di Balik Pulau, Pulau Pinang. Kedua-dua cawangan tersebut dikelolakan pada peringkat awal oleh Syeikh Ahmad Obaid Baladram dan madrasah cawangan ini dibuka kepada anak-anak lelaki dan perempuan. Penduduk Balik Pulau sudah lama berminat untuk menubuhkan sebuah madrasah di sana. Ketika lawatan rombongan Madrasah al-Mashoor al-Islamiah pada tahun 1937, Syeikh Hussain telah mengadakan perbincangan ringkas dengan ketua kampung di sana. Kemudiannya pada bulan Januari 1940, beliau dijemput sekali lagi ke Balik Pulau untuk memberi syarahan agama dalam satu majlis.<sup>61</sup>

Pada masa itu, Syeikh Hussain berpeluang mengadakan perbincangan dengan penghulu dan ketua-ketua 12 mukim Balik Pulau tentang bagaimana untuk menubuhkan sebuah madrasah di sana. Sebuah madrasah cawangan Madrasah al-Mashoor al-Islamiah Balik Pulau berjaya ditubuhkan di mukim Kongsu, Balik Pulau dan dirasmikan pembukaannya pada hari Ahad 25 Muharam bersamaan dengan 3 Mac 1940. Perasmian itu dilakukan oleh Haji Noh Haji Ahmad J.P. dan Tuan Mohd Hassan bin Abdul Halim, Nibong Tebal yang dihadiri 500 orang penduduk tempatan. Dalam masa sebulan cawangan ini dibuka iaitu di antara 5 Mac 1940 hingga 7 April 1940 terdapat 154 orang pelajar yang mendaftar diri di cawangan ini. Madrasah cawangan Balik Pulau ditadbir oleh satu badan pentadbiran yang dipanggil "Anggota Tadbir Cawangan Madrasah al-Mashoor al-Islamiah, Balik Pulau Pulau Pinang". Beberapa orang guru dari Madrasah al-Mashoor al-Islamiah dihantar ke cawangan Madrasah al-Mashoor Balik Pulau. Di samping itu, beberapa orang guru tempatan dilatih terutamanya untuk mengajar pelajaran bahasa Inggeris. Mata pelajaran yang diajar di madrasah cawangan ini ialah matapelajaran bahasa Arab dan ilmu-ilmu agama yang lain dari pelajaran bahasa Inggeris.<sup>62</sup>

Walau bagaimanapun, Madrasah al-Mashoor al-Islamiah bahagian lelaki dan perempuan serta semua cawangannya terpaksa ditutup setelah pendudukan Jepun pada tahun 1941. Tetapi kedua-dua cawangan di Sabak Bernam dan di Balik Pulau tidak dapat diteruskan selepas Perang Dunia Kedua kerana masalah kewangan dan pentadbiran. Dalam tempoh 20 tahun, madrasah ini telah berjaya membuka tiga cawangannya di Tanah Melayu. Pada tahun 1956, Syeikh Abbas telah bersara sebagai mudir dan pulang ke Makkah dan tempatnya diambil alih oleh adiknya Syeikh Hussain.<sup>63</sup>

<sup>59</sup> Muhamad Daud (1980), "Madrasah al-Mashoor al-Islamiyah," h. 94.

<sup>60</sup> *Saudara*, 13 Januari 1940, h. 7.

<sup>61</sup> Rahim Osman (t.t), "Madrasah Masyhur Al-Islamiyyah," h. 80.

<sup>62</sup> Ahmad Dzulfahmi Muhammad (2013), "Sejarah dan Perkembangan Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah," h. 119.

<sup>63</sup> SP63/4, Penubuhan Sekolah-Sekolah Agama, h. 2.

## **Analisis Peranan Mudir Madrasah al-Mashoor al-Islamiah**

Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga Mudir Madrasah al-Mashoor al-Islamiah memainkan peranan yang amat penting dan signifikan dalam pengislahan sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu. Ketiga-tiga Mudir ini juga mempunyai latar belakang agama dan mendapat pendidikan dari Timur Tengah serta mendapat pendedahan secara terus dengan reformis sistem Pendidikan Islam iaitu dari Muhammad Abduh. Hasil pengaruh pemikiran Abduh telah mendorong Al-Hadi menerapkan segala ilmu yang diperolehinya menerusi sistem pendidikan di Madrasah al-Mashoor. Al-Hadi percaya bahawa tahap ilmu dan pendidikan perlu diislahkan sesuai dengan peredaran zaman untuk membawa perubahan minda dan sikap umat Islam khususnya di Tanah Melayu.

Al-Maghribi juga memainkan peranan penting dalam pengislahan sistem Pendidikan Islam di Madrasah al-Mashoor apabila beliau telah memperkenalkan beberapa subjek agama serta memberi penekanan terhadap subjek yang diperkenalkan. Hal ini adalah kerana pengalaman beliau semasa di Makkah yang terpengaruh dengan idea Muhammad bin Abdul Wahab. Pengislahan yang dilaksanakan oleh al-Maghribi telah mendapat kecaman hebat dari Kaum Tua yang bertentangan dengan fahaman mereka. Di sebalik kecaman yang diterima oleh al-Maghribi tidak mematahkan semangatnya untuk menyebarkan idea islahnya.

Bagi Syeikh Abbas pula, peranan beliau juga amat penting diteliti kerana pada zaman pentadbirannya sebuah madrasah untuk pelajar perempuan telah diasaskan untuk memberi peluang kepada golongan tersebut menuntut ilmu. Hal ini jelas memperlihatkan pemikiran yang terkehadapan dalam usaha untuk memajukan masyarakat Melayu tidak kira lelaki atau pun perempuan. Syeikh Abbas menyedari bahawa menjadi tanggungjawabnya untuk memartabatkan Pendidikan Islam serta melaksanakan pengislahan demi kemaslahatan ummah. Pengislahan sistem Pendidikan Islam tidak hanya memfokuskan pendidikan agama semata-mata tetapi disulami dengan pendidikan moden agar umat Islam dapat bersaing dan memenuhi keperluan dunia yang mencabar.

## **Kesimpulan**

Walaupun terdapat mudir dan tenaga pengajar di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah silih berganti, namun perkembangan dan kemajuan madrasah ini tidaklah tergendala. Pengaruh dan kemasyhuran Madrasah al-Mashoor al-Islamiah telah menarik minat pelajar-pelajar daripada seluruh tanahair, Laos, Kemboja, Thailand, Brunei, Filipina, Indonesia malahan India. Sistem pengajaran bahasa Arabnya mempunyai mutu yang tinggi dan merupakan antara yang terbaik di Asia Tenggara. Hal ini adalah kerana para tenaga pengajarnya terdiri daripada orang Arab sendiri serta pengislahan sistem Pendidikan Islam itu sendiri yang tidak hanya hafalan semata-mata. Disebabkan faktor ini juga ramai pelajar-pelajar daripada institusi pengajian pondok di Tanah Melayu yang sudahpun mempunyai asas pengajian Islam berpindah ke madrasah ini demi untuk mendalami dan memperbaiki mutu bahasa Arab yang mereka kuasai. Ini juga membawa kepada peningkatan mutu kurikulum dan pembelajaran di madrasah ini. Faktor ini juga membawa kepada kemasyhuran dan telah meninggikan imej madrasah berbanding dengan pusat-pusat pengajian lain di Asia Tenggara.

**Penghargaan:** Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (304/PJJAUH/6315255).

## **Rujukan**

Ahmad Dzulfahmi Muhamad (2013), *Sejarah dan Perkembangan Madrasah Al-Mashoor Al Islamiah Pulau Pinang, 1916-1969*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ahmad Dzulfahmi Muhamad (2016), "Pengaruh Timur Tengah Terhadap Madrasah Al Mashoor Al-Islamiah," *Jurnal Sains Humanika*, Bil. 8, no. 3-2.

Ahmad Dzulfahmi Muhamad (2019), "Sumbangan Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah Pulau Pinang dalam Sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu, 1916-1972," dalam Ishak Saat & Ku Boon Dar (ed.), *Sejarah dan Rencam Warisan Alam Melayu*, Batu Pahat: Penerbit UTHM.

Amini Amir Abdullah (1995), *Pemikiran Islam: Peranan Tokoh-tokoh Islah dan Cabaran Aliran-aliran Pemikiran Semasa*, Tesis Sarjana (Pengajian Islam), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Amini Amir Abdullah (1997), "Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah, Pulau Pinang: Pengaruh dan Perkembangan," dalam Badriyah Haji Salleh, *Sejarah Islam Pulau Pinang: Tokoh dan Sumbangan Jilid 3*, Jurnal Penyelidikan Sejarah Islam Pulau Pinang, Lebu Pantai: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.

Ermy Azziati & Salasiah Hanin Hamjah (2008), "Syeikh Abdullah al-Ghadamishi al Maghribi: Sumbangannya dalam Bidang Pendidikan dan Gerakan Islah," dalam Nadwah Ilmiah al- Saniah Haul Syeikh Abdullah al-Ghadamisi (Maghribi) Dauruhu fi al-Dakwah wa I' Lam fi Biladi Malaya, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan: Fakulti Pengajian Islam UKM.

HCO.638/1935. Copy of Report Syeikh Abdullah.

*Idaran Zaman*, 26 Mac 1925.

Latifah Abdul Latif (2017), "Sumbangan Orang Arab dalam Pendidikan Agama@Madrasah di Malaysia," Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization, Universiti Sultan Zainal Abidin.

Mohammad Redzuan Othman (2007), "Masjid al-Haram Sebagai Sebuah Institusi Pengajian: Peranannya dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Melayu," dalam Farid Mat Zin (ed.), *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, Shah Alam: Karisma Publication.

Mohammad Redzuan Othman (2012), *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit UM.

Mohd Sarim Mustajab (1975), *Islam dan Perkembangannya dalam Masyarakat Tanah Melayu, 1900-1940*, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Sarim Mustajab (1976), "Syed Syeikh Abdullah Maghribi: Pendidik dan Kaum Muda," *JEBAT*, Bil. 5/6.

Muhammad Daud (1980), *Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah Pulau Pinang: 1916-1969*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Nurizan Baharum (2011), "Pengaruh Reformasi Pendidikan Muhammad Abduh," Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara.

Omar Farouk Shaiek Ahmad (1978), "The Arabs in Penang," dalam Khoo Khay Kim (ed.), *Malaysia in History*, XXI:2, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Osman Bakar (t.t), "Haji Salleh Masri, Pengasas Madrasah al-Masriyyah," dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Rahim Osman (t.t), "Madrasah Masyhur al-Islamiah," dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Saliha Haji Hassan (1986), "Dr. Burhanuddin al-Helmi, 1911-1969," Kertas kerja Seminar Biografi Malaysia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

*Saudara*, 13 Januari 1940.

Shohana Hussin (2016), "Tokoh dan Institusi Pendidikan Islam di Pulau Pinang," dalam Muhammad Haji Salleh & Mahani Musa (ed.), *Masyarakat Melayu Pulau Pinang dalam Arus Sejarah*, Pulau Pinang: Penerbit USM.

SP10/1288/81, Surat kepada Syeikh Tahir dari Abdullah Maghribi, 17 Jun 1930.

SP10/1314/81, Surat dari Syeikh Tahir kepada Syeikh Abdullah Maghribi, 29 Oktober 1928.

SP10/583 (t.t), Syeikh Tahir Papers, Surat Persendirian Syeikh Tahir.

SP63/4 (t.t), Sekolah-sekolah Ugama Pulau Pinang, Surat Persendirian Haji Fathil Basheer.

SPP/P/1 (t.t), Sejarah Madrasah al-Mashoor al-Islamiah (Lelaki dan Perempuan) Pulau Pinang, Surat Persendirian Shaikh Ahmad Osman Bajunid.

Syed Alwi al-Hady (1999), "The Life of My Father," dalam Alijah Gordon (ed.). *The Real Cry of Syed Syeikh al-Hady*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.

Talib Samat (1996), "Syed Syeikh Al-Hadi: Pelopor Pendidikan Islam Terawal di Pulau Pinang," dalam Fadlullah Jamil (ed.), *Sejarah Islam Pulau Pinang: Tokoh dan Sumbangan Jilid 2*, Jurnal Penyelidikan Sejarah Islam Pulau Pinang, Lebu Pantai: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.

Talib Samat (2007), "Madrasah al-Mashoor al-Islamiah: Sekolah Agama Pertama di Pulau Pinang," dalam Sohaimi Abdul Aziz (ed.), *Dari Tanjung Penaga ke Georgetown: Membongkar Sejarah Negeri Pulau Pinang*, Pulau Pinang: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

William R. Roff (1962), "Kaum Muda – Kaum Tua: Innovation and Reaction Amongst the Malays, 1900-1941," dalam K.G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapore: Malaya Publishing House.

William R. Roff (1967), *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

